



the company for women

AVON PRODUCTS, INC.

TATAKELAKUAN PEMBEKAL GLOBAL AVON

Di Avon, kami percaya kepada lima nilai utama: Kepercayaan, Hormat, Pegangan, Rendah Hati, dan Integriti. Walaupun masing-masing memainkan peranan yang penting dalam operasi perniagaan global kami, nilai Integriti mendapat tempat yang istimewa dalam budaya Avon dan berfungsi untuk memantapkan syarikat kami dalam dunia yang semakin kompleks dan penuh dengan permintaan. Avon mentakrifkan Integriti sebagai menetapkan dan memantau tahap etika yang tertinggi dan sentiasa melakukan perkara yang betul. Dalam mengekalkan nilai ini, kami memenuhi tanggungjawab penjagaan, bukan hanya terhadap Wakil Bebas dan pelanggan kami dalam komuniti kami tetapi juga terhadap rakan setugas dan diri kami sendiri.

Avon mendukung nilai-nilai ini dalam operasinya sendiri dan komited untuk bekerja dengan rakan perniagaan yang mempunyai reputasi yang baik yang menunjukkan dedikasi yang sama terhadap standard perniagaan beretika dan amalan seperti Avon.

Untuk membantu memenuhi komitmen ini, Tatakelakuan Pembekal Global Avon (dengan ini dirujuk sebagai "Tatakelakuan" telah diwujudkan dan digunakan untuk mana-mana syarikat, kilang, pengilang, vendor atau agennya (dengan ini dirujuk sebagai "Pembekal") yang menghasilkan barang dan/atau servis kepada Avon Products, Inc. atau mana-mana anggota sekutu tempatannya. Tatakelakuan ini, yang dikeluarkan pada 13 Oktober 2015 menggantikan semua Tatakelakuan Pembekal Global yang sebelumnya.

Walaupun Avon menyedari bahawa terdapat perbezaan pada persekitaran undang-undang dan budaya memandangkan Pembekal beroperasi di seluruh dunia, Tatakelakuan ini menetapkan jangkaan minimum yang menaungi operasi Avon dan Pembekal seluruh dunia.

Selanjutnya, Avon sangat menggalakkan Pembekal untuk melebihi keperluan yang telah ditetapkan dalam Tatakelakuan ini dan untuk mempromosikan amalan terbaik dan peningkatan yang berterusan.

1. Undang-undang dan Peraturan: Walaupun yang terkandung di sini dan sebaliknya, Pembekal perlu beroperasi dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan wajib di negara mereka beroperasi.

2. Buruh Kanak-kanak: Pembekal tidak boleh mengambil pekerja yang berumur kurang daripada (i) 15 tahun, atau 14 di tempat undang-undang tempatan membenarkan pengecualian sedemikian selaras dengan garis panduan Organisasi Buruh Antarabangsa, atau (ii) umur tamat pegajian wajib, atau (iii) umur minimum yang ditetapkan oleh undang-undang di negara

V14 10.14.2015

pengilang.

Sebagai tambahan, Pembekal mesti mematuhi semua keperluan undang-undang yang membenarkan pekerja muda, terutamanya yang berkaitan dengan jam kerja, upah dan keadaan kerja.

3. Buruh Paksa: Pembekal tidak akan menggunakan buruh paksa, sama ada banduan, terikat, kontrak atau sebaliknya dan tidak akan terlibat dalam atau menyokong pemerdagangan manusia. Kerja lebih masa secara paksaan adalah dilarang.

4. Disiplin: Semua pekerja mesti dilayan dengan hormat dan bermaruah. Tiada pekerja yang boleh dikenakan hukuman dera, gangguan fizikal, seksual, psikologi atau lisan atau penderaan seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang yang terpakai. Sebagai tambahan, Pembekal tidak akan menggunakan denda wang sebagai amalan disiplin.

5. Jam: Pembekal tidak akan memerlukan pekerja untuk bekerja melebihi yang lebih rendah daripada (i) had pada waktu biasa atau lebih masa yang dibenarkan oleh undang-undang di negara tempat pekerja itu berada, atau (ii) 60 jam seminggu pada asas berjadual biasa, termasuk kerja lebih masa dan kecuali dalam keadaan perniagaan di luar kebiasaan, 72 jam seminggu sebagai maksimum muktamad. Sebagai tambahan, Pembekal akan memastikan semua pekerja berhak mendapat sekurang-kurangnya 1 hari bercuti bagi setiap tempoh tujuh hari berturut-turut.

6. Gaji/Manfaat: Pembekal perlu memastikan bahawa mereka membayar pekerja sekurang-kurangnya gaji minimum yang sah, dan juga premium lebih masa yang dimandatkan secara sah untuk semua jam bekerja dan tidak akan ada denda wang bagi prestasi buruk. Pembekal juga perlu memastikan semua manfaat yang dimandatkan secara sah disediakan dan tidak akan ada potongan tidak sah bagi manfaat.

7. Diskriminasi: Walaupun Avon mengiktiraf dan menghormati perbezaan budaya, Pembekal perlu memastikan penggajian (termasuk pengambilan pekerja, gaji, manfaat, kenaikan pangkat, penamatan perkhidmatan dan persaraan) adalah berdasarkan kepada kebolehan dan bukan pada bangsa, warna kulit, agama, jantina, umur, negara asal, ketidakupayaan, hamil, status perkahwinan atau perkongsian, orientasi seksual, identiti jantina, status veteran atau karakter peribadi lain yang dilindungi oleh undang-undang di negara masing-masing. Pembekal perlu mematuhi semua undang-undang negara dan tempatan yang mentadbir tanpa diskriminasi dalam pekerjaan.

8. Kebebasan Berpersatuan/Perundingan Kolektif: Pekerja seharusnya bebas untuk menyertai organisasi seperti kesatuan sekerja yang dipilih oleh pekerja itu sendiri dan menahan diri daripada menyertai organisasi tersebut jika itu adalah kehendak mereka. Pembekal tidak boleh mengancam atau menghukum pekerja kerana usaha mereka untuk menganjurkan atau menawarkan secara kolektif jika dibenarkan oleh undang-undang di negara pekerja itu berada dan mereka juga tidak boleh mendiskriminasi terhadap pekerja kesan daripada mana-mana penggabungan organisasi sebegitu.

9. Kesihatan dan Keselamatan: Pembekal perlu menyediakan pekerja mereka dengan persekitaran kerja yang bersih, selamat dan sihat dengan mematuhi semua piawai tempat kerja yang terpakai dan dimandatkan secara sah.

kesihatan dan keselamatan di negara mereka beroperasi. Ini termasuklah kemudahan tempat tinggal, jika berkaitan. Sebagai tambahan, Avon menggalakkan Pembekal agar berusaha untuk melaksanakan amalan terbaik industri mengikut kesesuaian.

10. Pengurusan Alam Sekitar: Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang alam sekitar tempatan yang terpakai bagi operasi mereka. Sebagai tambahan, Avon menggalakkan Pembekal untuk mempunyai polisi alam sekitar dan sistem pengurusan alam sekitar yang mengandungi matlamat yang menyasarkan kepada peningkatan berterusan bagi prestasi alam sekitar keseluruhan.

11. Subkontraktor: Pembekal tidak boleh menggunakan subkontraktor dalam pengeluaran produk atau komponen produk Avon tanpa kelulusan bertulis daripada pihak Avon terlebih dahulu dan hanya selepas subkontraktor bersetuju secara bertulis untuk mematuhi Tatakelakuan ini dan juga lain-lain syarat yang diperlukan oleh Avon.

12. Komunikasi: Pembekal perlu menyampaikan peruntukan Tatakelakuan ini kepada pekerja dan penyelia mereka. Avon akan menganjurkan seminar pembekal dari semasa ke semasa tentang cara untuk melaksanakan dan mendukung Tatakelakuan Avon.

13. Pemantauan dan Pematuhan: Avon akan melaksanakan langkah afirmatif seperti pemeriksaan yang dimaklumkan dan secara mengejut ke atas premis Pembekal dan kemudahan pengeluaran bagi memantau pematuhan terhadap Tatakelakuan ini. Pembekal mestilah mengekalkan semua dokumen yang berkaitan di tapak bagi menunjukkan pematuhan terhadap Tatakelakuan ini. Pembekal mesti membenarkan akses penuh kepada rakan sekerja Avon dan/atau firma pemantauan pihak ketiga ke premis dan kemudahan pengeluaran, rekod pekerja dan pekerja untuk temu bual sulit berkaitan dengan lawatan pemantauan.

14. Integriti dan Anti-Rasuah: Pembekal mesti menjalankan perniagaan dengan jujur dan berintegriti serta menunjukkan piawai tertinggi bagi etika perniagaan. Pembekal tidak boleh terlibat dalam sogokan, rasuah atau lain-lain amalan tidak beretika atau menyalahi undang-undang sama ada ketika berurusan dengan pegawai kerajaan (termasuk pekerja kerajaan atau pegawai di mana-mana peringkat, pekerja atau pegawai di entiti yang dikawal atau dimiliki oleh kerajaan, pekerja atau pegawai bagi organisasi antarabangsa awam dan pegawai atau calon politik atau sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak individu yang demikian) parti politik atau lain-lain, termasuk individu dalam sektor swasta. Ini termasuk secara langsung atau tidak langsung, membayar, memberi, menawarkan, menjanjikan atau memberi kuasa wang atau apa-apa yang bernilai kepada sesiapa sahaja untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar. Ini juga termasuk sebarang aktiviti atau pengaturan perniagaan yang tidak beretika di antara Pembekal dan mana-mana Rakan Sekerja Avon atau mana-mana syarikat atau individu lain.

15. Ketepatan Rekod Perniagaan Pembekal akan merekodkan dan melaporkan maklumat secara tepat dan jujur dan tidak akan menyembunyikan, gagal merekod atau membuat kemasukan palsu. Semua buku, rekod dan akaun mestilah menggambarkan dengan tepat

transaksi, pembayaran dan peristiwa serta mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum, kawalan dalaman yang baik dan semua undang-undang serta peraturan yang berkenaan.

16. Penyumberan Bertanggungjawab: Pembekal akan komited untuk mendapatkan sumber bahan mentah, barangan dan perkhidmatan dengan sokongan asas hak asasi manusia, buruh, kesihatan dan keselamatan, alam sekitar dan etika - yang tidak dikawal oleh bahan atau lokasi tertentu dan membangunkan dan/atau mengekalkan keupayaan untuk mengenal pasti semua bahan yang terdapat dalam produknya untuk Avon.

- Di mana yang berkenaan, kami berharap agar pembekal kami mengambil langkah untuk menentukan sama ada produk mereka mengandungi mineral konflik (tin, tantalum, emas dan tungsten) dan jika begitu, melaksanakan proses usaha wajar rantai bekalan untuk mengenal pasti sumber bagi mineral ini dan menyokong usaha untuk membasmi penggunaan mineral konflik yang secara langsung atau tidak langsung membiayai atau memanfaatkan kumpulan bersenjata di Republik Demokratik Congo atau negara yang bersempadanan.
- Avon komited untuk membantu menamatkan pembasmian hutan melalui Janji Minyak Sawit Avon dan Janji Kertas Avon. Untuk tujuan itu dan jika berkenaan, Pembekal akan bekerjasama dengan Avon untuk membantu memastikan: (i) minyak sawit, minyak isirung sawit (PKO) dan derivatif sawit / PKO yang digunakan dalam produk Avon di seluruh dunia memenuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Janji Minyak Sawit Avon; dan (ii) produk kertas dan serat kayu yang digunakan dalam brosur, karya dan produk Avon memenuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Janji Kertas Avon.

Penandatanganan bagi Pengakuan Tatakelakuan Pembekal, bagi pihak Pembekal, mengakui pemahaman dan pematuhan mereka terhadap semua undang-undang yang terpakai dan Tatakelakuan ini. Pembekal diharapkan agar mengambil langkah pembaikan yang perlu bagi mengatasi sebarang ketidakpatuhan dengan segera. Avon mempunyai hak untuk menamatkan hubungan perniagaannya dengan mana-mana Pembekal yang enggan mematuhi Tatakelakuan ini.